

## **AKAUN PERNIAGAAN FLEXI FD HONG LEONG TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT**

1. Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong (“Akaun Perniagaan Flexi FD”) adalah akaun deposit tetap (“FD”), yang disediakan hanya untuk syarikat-syarikat dan badan-badan kerajaan (secara kolektifnya “Pelanggan (Pelanggan-pelanggan)”).
2. Untuk mendaftar bagi Akaun Perniagaan Flexi FD, Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) harus meletakkan jumlah deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dalam satu resit; dan disyaratkan untuk memegang sama ada Akaun Semasa Hong Leong atau Akaun Semasa Asas Hong Leong (“Akaun Semasa”). Nama bagi kedua-dua akaun tersebut iaitu Akaun Perniagaan Flexi FD dan Akaun Semasa mestilah sama. Akaun Semasa kepunyaan subsidiari (subsidiari-subsidiari) Pelanggan (Pelanggan-pelanggan), dan/atau syarikat (syarikat-syarikat) berkaitan tidak boleh dihubungkan kepada Akaun Perniagaan Flexi FD. Dalam keadaan di mana, Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) memegang lebih daripada satu Akaun Semasa, hanya satu Akaun Semasa yang boleh dipilih untuk dihubungkan kepada Akaun Perniagaan Flexi FD. Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) tidak akan menutup Akaun Semasa sekiranya masih terdapat baki-baki di dalam Akaun Perniagaan Flexi FD.
3. Untuk penempatan deposit Akaun Perniagaan Flexi FD berikutnya, jumlah minimum yang diperlukan adalah Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) untuk setiap resit.
4. Ciri-ciri utama Akaun Perniagaan Flexi FD adalah seperti yang dinyatakan di bawah dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut.

### **A. Deposit harian**

- a) Tempoh adalah dalam gandaan satu hari
- b) Minimum tiga puluh (30) hari
- c) Maksimum satu ribu (1,000) hari
- d) Dalam keadaan di mana tarikh matang jatuh pada bukan Hari Niaga, tarikh matang akan dianggap jatuh pada tarikh Hari Niaga seterusnya
- e) Faedah akan dikira sehingga tarikh matang seperti yang dinyatakan dalam item 4(A)(d) di atas

### **B. Pengeluaran sebahagian pramatang**

- a) Jumlah pengeluaran harus dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000), tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk setiap pengeluaran
- b) Tiada had bilangan untuk membolehkan Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) membuat pengeluaran sebahagian pramatang (“PPM”) tetapi suatu minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk setiap resit mesti dikekalkan sehingga tarikh matang, jika tidak ia akan dianggap sebagai pengeluaran penuh
- c) Tertakluk kepada fasal 4 (B)(b) di atas, baki yang masih tertinggal di dalam akaun FD akan diteruskan untuk mendapatkan faedah berdasarkan pada perjanjian kadar faedah sehingga tarikh matang

### **C. Bayaran faedah pengeluaran pramatang**

- a) Terpakai untuk pengeluaran sebahagian atau keseluruhan
- b) Mesti lengkap sekurang-kurangnya 14 hari daripada tarikh penempatan deposit untuk mendapatkan faedah pengeluaran pramatang (“FPM”)
- c) Kadar faedah yang perlu dibayar harus pada kadar setengah (1/2) perjanjian kadar faedah untuk setiap hari penuh yang dikira berdasarkan pada jumlah pengeluaran

### **Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 1 Januari 2019)**

Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong berkuatkuasa daripada 1 Januari 2019 dan seterusnya, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang.

#### **D. Pembayaran Faedah**

- a) Untuk tempoh deposit sehingga 365 hari, faedah dibayar setelah matang
  - b) Untuk tempoh deposit lebih daripada 365 hari, faedah harus dibayar setiap 30 hari sehingga matang, dan faedah yang perlu dibayar perlu dipindahkan ke dalam Akaun Semasa Pelanggan (Pelanggan-pelanggan). Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) mempunyai pilihan untuk memohon secara bertulis untuk faedah yang perlu dibayar hanya selepas matang.
5. Dengan mendaftar untuk Akaun Perniagaan Flexi FD ini, Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) bersetuju bahawa sebarang pengeluaran (pengeluaran-pengeluaran) sebahagian pramatang, kedua-dua jumlah pengeluaran dan faedah (jika ada) akan dipindahkan ke dalam Akaun Semasa. Butir-butir transaksi pengeluaran akan direkodkan dalam penyata bulanan Akaun Semasa, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Hong Leong Bank ("HLB"). Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) akan merujuk kepada penyata Akaun Semasa mereka untuk rekod-rekod transaksi berkenaan jumlah pengeluaran dan faedah yang dibayar (jika ada) kerana maklumat ini tidak akan dikemaskini pada resit Akaun Perniagaan Flexi FD.
  6. Adalah menjadi kewajipan kepada Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) untuk mengeluarkan suatu surat arahan yang ditandatangani oleh pihak yang dibenarkan untuk menandatangani dan selaras dengan mandat pengendalian Pelanggan (Pelanggan-pelanggan) yang diberikan kepada akaun cawangan, dan resit (resit-resit) asal Akaun Perniagaan Flexi FD apabila melakukan sebarang pengeluaran pada akaun cawangan. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh HLB, pengeluaran antara-cawangan adalah tidak dibenarkan. Untuk pengeluaran sebahagian pramatang, baki yang masih tertinggal akan dikemaskini pada resit yang sama atau HLB boleh mengeluarkan resit yang baru, yang mana akan ditentukan sendiri oleh HLB.
  7. Kadar-kadar faedah Akaun Perniagaan Flexi FD adalah tertakluk kepada perubahan dan akan dipaparkan di laman sesawang HLB ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)) atau disediakan di atas permintaan mana-mana cawangan.
  8. Fi-fi dan caj-caj untuk Akaun Perniagaan Flexi FD adalah sama dengan Akaun Deposit Tetap Hong Leong, yang boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan atau boleh dilihat di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my). HLB mempunyai hak untuk menyemak semula fi-fi dan caj-caj, dengan menyampaikan terlebih dahulu notis 21 hari untuk pelaksanaan fi-fi dan caj-caj yang telah disemak semula tersebut.
  9. Tiada penyata fizikal yang disediakan untuk Akaun Perniagaan Flexi FD.
  10. HLB mempunyai hak untuk meminda, menukar, mengubah-suai atau memadam kesemua atau sebahagian terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, dan perubahan-perubahan tersebut harus sampai kepada pengetahuan Pelanggan-pelanggan melalui notis di cawangan-cawangan Bank dan laman sesawang ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)) 14 hari sebelum pelaksanaan terma-terma dan syarat-syarat tersebut. Salinan terma-terma dan syarat-syarat yang telah dikemaskini boleh didapati di cawangan-cawangan dan laman sesawang jika terdapatnya permintaan.
  11. Akaun Perniagaan Flexi FD akan ditadbir oleh Terma-terma dan Syarat-syarat Umum Akaun-akaun HLB. Terma-terma dan Syarat-syarat Umum Akaun-akaun boleh dilihat di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau salinan tersebut boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan.

**Layak dilindungi oleh PIDM.**